

Minggu Suai Mesra Program Bioteknologi Sesi 2011/2012

Artikel oleh: Hartinie Marbawi

Perjumpaan bersama pelajar baru Program Bioteknologi telah diadakan pada 8 September 2011 bertempat di BT51, SST sempena Minggu Suai Mesra pelajar baru sesi 2011/2012. Program ini telah dihadiri oleh tujuh orang pensyarah dari Program Bioteknologi serta seramai 52 orang pelajar tahun pertama. Pada sesi perjumpaan ini, Dr. Ivy Wong Nyet Kui selaku Ketua Program telah memberikan taklimat ringkas berkaitan program pengajian dan juga memperkenalkan para pensyarah serta kakitangan makmal. Seterusnya para pelajar dibahagikan kepada kumpulan kecil dan diselia oleh seorang pensyarah. Selain berkenalan lebih rapat, melalui aktiviti ini para pelajar berpeluang untuk mengutarakan pelbagai soalan terutamanya berkaitan akademik. Secara keseluruhannya, program ini dapat mendedahkan pelajar kepada maklumat berkaitan pengajian dalam bidang bioteknologi, kursus-kursus yang akan diikuti sepanjang pengajian dan prospek pekerjaan pada masa akan datang. Sekalung tahniah, selamat datang dan selamat meneruskan pengajian diucapkan kepada para pelajar tahun pertama program Bioteknologi.

